

UPM adakan eksspo tani

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) mengadakan Eksspo Tani di Tapak Pesta, Bukit Ekspo universiti itu, mulai kelmarin hingga 30 Ogos ini.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah, berkata eksspo itu diadakan sempena konvokesyen ke-31 universiti penyelidikan itu, bertujuan memperkenalkan produk dan teknologi pertanian terkini serta pelbagai kegiatan rekreasi untuk pengunjung.

Beliau berkata, buat julung kalinya pihak universiti memberi kepercayaan kepada pelajar mengajurkan eksspo itu bagi memastikan mereka mendapat pendedahan dalam bidang keusahawanan.

"Eksspo Tani Konvokesyen UPM ke-31 ini mencatat sejarah tersendiri apabila penganjurannya di berikan kepada pelajar.

"Ini membuktikan komitmen besar pengurusan universiti dalam memastikan pelajar diberi pendedahan bukan saja dalam penganjuran program besar universiti, malah bidang keusahawanan yang pasti berguna bagi pelajar," katanya ketika berucap merasmikan eksspo berkenaan di UPM, Serdang, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, Tan Sri Dr Zainul Ariff Hussain.